

ISSPeC 2023: 007

Corruption Perception Index (CPI)- Satu Tinjauan Awal Di Malaysia

NURUL LILY SUZANI JALAL
Universiti Sains Islam Malaysia

ABD. HAKIM MOHAD @ MOHAMAD RAMLI
Universiti Sains Islam Malaysia

ABSTRAK

Indeks Persepsi Rasuah adalah penilaian dan kajian yang dijalankan hingga menghasilkan sebuah laporan yang di laksanakan oleh Transparency International yang merupakan sebuah badan bukan kerajaan (NGO) bertaraf antarabangsa. Indeks ini atau lebih dikenali dengan singkatannya iaitu CPI (Corruption Perception Index) adalah tertumpu kepada persepsi responden berikutan pengalaman mereka dalam berurusan dengan sektor awam sebuah Negara. Walaubagaimanapun, dapat dilihat kedudukan CPI Malaysia bermula pada tahun 2017 pada kedudukan 62 yang tidak stabil. Pada tahun 2021, Malaysia sekali lagi berada ditempat ke 62 daripada 180 negara dengan skor 48 mata. Secara keseluruhan, penilaian dari CPI meliputi dari sektor-sektor yang penting seperti kerajaan, perniagaan dan sektor swasta, dan juga dari perspektif pengurusan kewangan dan perolehan. Pada tahun 2021, Malaysia sekali lagi berada ditempat ke 62 daripada 180 negara dengan skor 48 mata. Pelaksanaan artikel ini dengan menggunakan kaedah literature review iaitu memerhati dan mengkaji secara perspektif pembinaan sosial, khususnya melalui kaedah ini digunakan untuk mendapatkan gambaran tentang skor CPI dari tahun ke tahun. Satu tinjauan awal dalam kajian ini dilaksanakan bagi meneliti secara terperinci penilaian Indeks Persepsi Rasuah di Malaysia dari segi pencapaian CPI di Malaysia. Dapatan kajian dapat disediakan secara keseluruhan bagi melihat kajian-kajian lepas berkenaan pencapaian CPI sama ada dalam kedudukan yang lebih baik atau tidak stabil hingga memberi kesan terhadap sesebuah negara.

Kata kunci : Rasuah, Skor Indeks Persepsi Rasuah, Pendekatan Kualitatif

PENDAHULUAN

Menurut (Liviú., Simona, , & Andreea , 2019) Persepsi Rasuah adalah penunjuk rasuah di seluruh dunia yang dikira dengan mengklasifikasikan negara mengikut tahap rasuah sektor awam negara. Indeks ini ialah indeks komposit yang diterbitkan sejak 1995 dan mewakili tahap rasuah yang dilihat, ditentukan oleh penilaian pakar dan tinjauan pendapat. Ia meletakkan negara pada skala dari 0 hingga 100, indeks yang lebih rendah pada ini mencerminkan tahap rasuah yang lebih tinggi, dan semakin tinggi indeks, semakin rendah tahap rasuah. Indeks ini dinilai berdasarkan faktor seperti pandangan pakar dan tinjauan pendapat. Sebagai contoh pengiraan berdasarkan pada skala 0 hingga 100, di mana skor 0 menunjukkan tahap rasuah yang tinggi dan skor 100 menunjukkan tahap rasuah yang rendah. Indeks Persepsi Rasuah (CPI) kekal sebagai ukuran yang paling berpengaruh terhadap kesesatan rasuah di negara-negara. Walau bagaimanapun, yang mengiringi pengaruh ini adalah kritikan sengit terhadap metodologi dan kesan tidak produktif terhadap keupayaan negara membangun untuk menarik pelaburan asing yang penting dan bantuan pembangunan. Tujuan CPI adalah untuk menyediakan data tentang persepsi rasuah di peringkat global, pencapaian CPI Malaysia dan penambahbaikan CPI di Malaysia

LATAR BELAKANG

Indeks Persepsi Rasuah (CPI) akan kekal berpengaruh untuk penyelidikan, menentukan destinasi pelaburan dan memberitahu negara mana yang paling memerlukan sumber anti-rasuah. Walau bagaimanapun, ia juga kekal sebagai ukuran yang banyak dikritik. Kritikan utama ialah indeks itu mungkin tidak adil kepada negara membangun yang kurang berprestasi. Terutama dipersoalkan ialah rasional untuk menentukan kedudukan negara pada skala rasuah memandangkan implikasi reputasi bagi negara di pangkalan indeks. Jelas sekali bahawa Indeks Persepsi Rasuah ini hanya khusus kepada isu persepsi tahap rasuah sesebuah negara di mana kedudukan sesebuah negara akan disenaraikan mengikut skor yang diperolehi dan

bukannya berdasarkan realiti sebenar tahap rasuah di negara terbabit. Malaysia berada di kedudukan ke-61 dalam Indeks Persepsi Rasuah (CPI) 2022 yang dikeluarkan oleh Transparency International (TI) daripada keseluruhan 180 buah negara yang dinilai berbanding tangga ke-62 pada 2021. Manakala, kedudukan skor Malaysia tahun 2022 ini berganjak satu mata daripada 48 mata pada tahun 2021 kepada 47 mata pada tahun 2022. Peralihan ini adalah sebanyak enam mata secara akumulatif sejak tiga tahun yang lalu bermula pada tahun 2020 hingga terkini. Merujuk kepada penerangan Presiden TI-Malaysia, Dr. Muhammad Mohan yang diumumkan keputusan CPI, terdapat dua faktor utama yang menyumbang kepada penurunan skor. Merujuk kepada penerangan Presiden TI-Malaysia, Dr. Muhammad Mohan yang diumumkan keputusan CPI, terdapat dua faktor utama yang menyumbang kepada penurunan skor. Faktor yang pertama adalah kurangnya kesungguhan dalam iltizam politik (*political will*) bagi memerangi rasuah berdasarkan kepada pelaksanaan Pelan Anti Rasuah Nasional 2019-2023 (NACP) yang perlahan, kegagalan tata kelola berulang kali biarpun pendedahan berterusan dibuat oleh Ketua Audit Negara, kurangnya tindakan ke atas penjawat awam yang menyalahguna jawatan, pelancaran pakej ransangan Covid-19 tanpa melalui proses perbincangan dan penelitian di Parlimen, isu lebih kos dalam perolehan berskala mega serta isu pelantikan ketua syarikat berkaitan kerajaan (GLC) atau syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC) yang kurang berkelayakan. Seterusnya faktor kedua adalah melibatkan kelewatan reformasi institusi (*institutional reforms*) sebagaimana terlihat dalam aspek pembangunan Rang Undang-Undang (RUU) Pembiayaan Politik, RUU Perolehan Kerajaan, pindaan kepada Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010, RUU Suruhanjaya Bebas Aduan dan Salah Laku Polis (IPCMC) serta kurangnya kemahuan politik untuk memperkasakan SPRM sebagai institusi antirasuah yang bebas dan berkesan. Hal ini menunjukkan bahawa pandangan-pandangan menyentuh aspek pentadbiran awam, pemerkasaan undang-undang tata kelola dan pemerkasaan serta kebebasan SPRM (kewangan, keanggotaan, mandat). Selain itu, penambahbaikan melibatkan inisiatif-inisiatif NACP yang sedang diterajui dan dilaksanakan oleh pelbagai kementerian, jabatan dan agensi kerajaan dengan proses libat urus berterusan membabitkan pelbagai pemegang taruh dalaman serta luaran. Dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12), kerajaan turut menerima CPI sebagai asas pengukuran tata kelola baik sesebuah negara dan telah menetapkan sasaran penambahbaikan kedudukan Malaysia dalam CPI 2025.

Justeru, satu tinjauan awal CPI dalam kajian ini bertujuan melihat dan meneliti tentang persepsi rasuah di peringkat global, pencapaian CPI Malaysia dan penambahbaikan CPI di Malaysia. Dalam kajian ini, data dikumpul melalui sorotan kajian lepas (*Literature Review*) dengan di bahagikan kepada beberapa bahagian berlandaskan kepada objektif kajian serta permasalahan kajian. Penilaian atau skor kajian berbentuk laporan secara tahunan dari pihak Transparency International memberi kesan kepada negara terutama dalam sektor ekonomi.

DEFINISI INDEKS PERSEPSI RASUAH

Definisi bagi kajian yang dijalankan oleh (Zouaoui, Al Qudah, & Ben-Arab, 2017) menyatakan bahawa Indeks Persepsi Rasuah CPI ialah indeks komposit dengan mengambil kira tinjauan yang mencerminkan persepsi ahli perniagaan, ahli akademik, penganalisis negara dan orang awam, termasuk pemastautin dan bukan pemastautin. Manakala menurut (Lee, Khoo Chai, 2010) menyatakan indeks persepsi rasuah yang telah dikeluarkan oleh Transparency International (TI), sebuah badan bukan Kerajaan (NGO) yang berpangkalan di Berlin, Jerman sejak dari tahun 1995. Indeks ini hanya mengkhususkan kepada isu persepsi tahap rasuah sesebuah negara di mana kedudukan sesebuah negara akan disenaraikan mengikut skor yang diperolehi dan bukannya berdasarkan realiti sebenar tahap rasuah di negara terbabit. Merujuk kata-kata (Allison, Timipere, 2021) CPI ialah pengukuran rentas negara tahunan utama Transparency International bagi rasuah. Indeks ini berdasarkan tinjauan persepsi pakar perniagaan dalam kira-kira 180 negara dan wilayah. Secara amnya, definisi Indeks Persepsi Rasuah merujuk kepada kenyataan (Mohan, Dr Muhammad, 2023) adalah Indeks agregat (sehingga 13 sumber data berbeza) global (180 negara/wilayah) meninjau persepsi (pakar/ahli perniagaan) mengenai rasuah (penyalahgunaan kuasa untuk keuntungan peribadi) dalam sektor awam (pegawai dan institusi awam). Berikutan itu, ia berfokus kepada urus tadbir Negara dalam mencegah rasuah secara berkesan.

INDEKS PERSEPSI RASUAH DI PERINGKAT GLOBAL

Terdapat beberapa faktor yang menyebabkan tercetusnya skor dalam penilaian Indeks Persepsi Rasuah menurun di Malaysia termasuk beberapa negara lain. Kajian meneliti penilaian CPI bagaimana diambil kira dan terdapat perbezaan kepada negara-negara lain. Menurut kajian yang dijalankan oleh (Lambsdorff, Prof. Dr. Johann Graf, 2005) adalah untuk menyediakan data persepsi meluas tentang rasuah dalam negara. Pengenal CPI dalam kajian tersebut ialah indeks komposit, menggunakan kaji selidik ahli perniagaan dan penilaian oleh penganalisis negara. Berbeza dengan penilaian dengan Malaysia. Ia sumber yang boleh dipercayai menggunakan pelbagai kerangka persampelan dan metodologi yang berbeza. Persepsi ini meningkatkan pemahaman tentang tahap rasuah yang sebenar dari satu negara ke satu negara. Kajian

itu juga menyatakan data yang diperoleh tidak berat sebelah dan menjadi sukar diperoleh hingga menimbulkan persoalan bermasalah berkenaan dengan kesahihan. Justeru, kajian ini fokus kepada tinjauan antarabangsa mengenai sama ada persepsi ini berfungsi sebagai kaedah yang paling boleh dipercayai hingga dapat menyusun ranking negara. Penilaian yang dijalankan melalui responden daripada negara membangun bahagian barat seperti Amerika Utara dan Eropah Barat, disokong oleh rangkaian wartawan tempatan. Kumpulan kedua sumber adalah persepsi kepada penduduk yang bukan pemastautin, tetapi responden ini sebahagian besarnya daripada negara jiran. Kumpulan sumber ketiga, iaitu IMD, PERC, UNECA dan WEF, mengumpulkan penilaian yang dibuat oleh pemastautin berkenaan dengan prestasi negara asal. Pendekatan ini memastikan bahawa, pertama, piawaian etika yang konsisten digunakan dalam penilaian semua negara, kedua, bahawa hanya negara tersebut dinilai di mana pengalaman dan pandangan budaya mencukupi tersedia dan, ketiga, bahawa pandangan responden dari negara kurang maju diwakili dengan baik. Kekuatan CPI adalah berdasarkan konsep bahawa sumber gabungan data menjadi satu indeks meningkatkan kebolehan percayaaan setiap individu seperti tahun-tahun sebelumnya, CPI 2005 termasuk semua negara yang sekurang-kurangnya tiga sumber telah tersedia. Idea menggabungkan data ialah ketidakpastian satu sumber boleh diimbangi oleh kemasukan sekurang-kurangnya dua sumber lain. Secara keseluruhan, CPI adalah penilaian yang kukuh tetapi menjadi keraguan dalam skor penilaian bagi persepsi tahap rasuah bagaimana, terdapat perbezaan penilaian.

Dalam kajian (Ulman, Simona Roxana, 2013) menyatakan rasuah adalah salah satu masalah berterusan masyarakat selama bertahun-tahun dan ia menjejaskan kredibiliti institusi awam ketua kerajaan di hadapan rakyat dan negara lain yang berkaitan. Di seluruh dunia, semua negara bercerita tentang rasuah dan jelas yang dapat diperhatikan melalui Indeks Persepsi Rasuah, tidak ada negara yang mempunyai skor maksimum yang menunjukkan bahawa sesebuah negara itu bersih sepenuhnya. Kesan isu rasuah sangat ketara dimana institusi awam mempengaruhi dan menjejaskan hasil ekonomi hingga menjadi penurunan daya saing negara. Sebaliknya, tujuan kajian ini adalah untuk menganalisis sama ada rasuah dipengaruhi oleh daya saing negara dan untuk menunjukkan sifat pengaruh. Kajian ini bahawa dasar pencegahan rasuah juga harus lebih menumpukan kepada peningkatan daya saing nasional sesebuah negara. Ia menunjukkan bahawa gabungan yang kukuh wujud antara Indeks Daya Saing Global dan Indeks Persepsi Rasuah, dengan variasi pembolehubah GCI menjelaskan 74.3% variasi CPI. Dapatan kajian terhasil melalui Ujian Korelasi Peringkat dan regresi yang dilakukan untuk semua negara (106) yang termasuk dalam analisis. Penyelidikan ini dengan menggunakan dua indeks iaitu Indeks Daya Saing Global 2012-2013 (GCI) dan Indeks Persepsi Rasuah 2012 (CPI), di mana GCI ialah pembolehubah tidak bersandar dan CPI adalah yang bersandar. Kedua-dua indeks diukur, mendedahkan korelasi positif, bermakna secara purata pandangan rasuah adalah berkaitan dengan tahap daya saing negara. Dalam erti kata lain, negara yang dinilai berdaya saing tinggi dianggap kurang berkemungkinan penglibatan rasuah atau negara mempunyai kadar daya saing negara kecil dianggap lebih banyak rasuah. Keputusan ini menunjukkan bahawa tumpuan dasar harus diletakkan pada hasil ekonomi. Apabila hasil ekonomi adalah positif dan memuaskan, persepsi rasuah juga bertambah baik dan akibat negatifnya diperbaiki. Kesimpulannya, taraf hidup, kadar guna tenaga, produktiviti, keseimbangan komersil, daya tarikan negara, keupayaan pelaksanaan objektif, fleksibiliti dan keupayaan mengekalkan pertumbuhan yang mentakrifkan konsep daya saing negara adalah penentu langsung persepsi rasuah.

Pada kajian (Ferdy Firmansyah, 2021) merupakan negara jiran sebelah Malaysia. Boleh dikatakan hangat isu rasuah di Negara tersebut. Dalam kehidupan bernegara, rasuah tidak boleh dipisahkan. Peranan institusi politik dan kematangan demokrasi adalah sangat besar dalam membasmi rasuah, pakatan sulit dan nepotisme. Dalam kajian ini menggunakan data sekunder, dengan menggunakan Indeks Demokrasi Indonesia (IDI) dan Indeks Perspektif Anti Korupsi (Indeks Persepsi Anti-Korupsi/IPEK) yang bersumber dari Badan Pusat Statistik Indonesia. Pemrosesan data menggunakan analisis statistik regresi berbilang linear. Indeks Demokrasi Indonesia terdiri daripada pembolehubah peranan DPRD, peranan parti politik, peranan birokrasi pemerintah daerah dan peranan badan kehakiman yang bebas. Kajian ini memperhalusi dasar antirasuah yang berkuat kuasa, untuk mempertimbangkan dapatan kajian yang dipengaruhi oleh daya saing negara. Negara-negara yang mempunyai daya saing nasional yang rendah dilihat lebih banyak rasuah. Oleh itu, untuk menangani rasuah secara berkesan, adalah penting untuk memberi tumpuan kepada peningkatan daya saing negara. Ini boleh dicapai dengan meningkatkan taraf hidup, kadar guna tenaga, produktiviti, keseimbangan komersial, daya tarikan negara, pelaksanaan objektif, fleksibiliti, dan keupayaan untuk mengekalkan pertumbuhan. Oleh itu, kajian telah mengutamakan faktor-faktor ini dan melaksanakan dasar yang menggalakkan ketelusan, akauntabiliti, integriti dan keadilan, negara boleh berusaha untuk mengurangkan rasuah dan kesan negatifnya terhadap kesejahteraan ekonomi dan sosial. Selain itu, adalah penting untuk mengukuhkan institusi awam dan imej mereka dalam kalangan rakyat dan negara lain untuk meningkatkan kredibiliti dan kepercayaan. Penyelidikan seterusnya adalah (Lusi Susanti ; Muhammad Husaini, 2023) kajian yang dijalankan bertujuan untuk menganalisis hubungan antara indeks persepsi rasuah, eksport barangan dan perkhidmatan, dan kadar pengangguran terhadap pertumbuhan ekonomi di 9 negara ASEAN. Kajian ini menggunakan data panel dari 2016-2020 di 9 negara ASEAN. Pembolehubah yang digunakan ialah pertumbuhan ekonomi dengan indeks pembolehubah bebas persepsi rasuah, eksport barangan dan perkhidmatan, dan kadar pengangguran. Berdasarkan keputusan regresi, pembolehubah indeks persepsi rasuah tidak memberi kesan kepada pertumbuhan ekonomi di 9 negara ASEAN. Manakala eksport barangan dan perkhidmatan

yang berubah-ubah memberi kesan positif dan signifikan terhadap pertumbuhan ekonomi di 9 negara ASEAN dan pembolehubah kadar pengangguran mempunyai kesan negatif dan signifikan terhadap pertumbuhan ekonomi di 9 negara ASEAN.

Menurut (Iopa & David M. Chalmers) yang menyatakan rasuah merangkumi pelbagai bidang termasuk amalan rasuah dan manipulasi dalam bidang kepentingan awam dan ekonomi. Istilah ini diambil daripada definisi bahawa "manipulasi kewangan merugikan ekonomi dan pelaku jenayah sering dicap sebagai perasuah." (Widana, 2010). *Transparency International* menyifatkan rasuah sebagai penyalahgunaan kuasa yang diamanahkan tetapi digunakan untuk kepentingan peribadi. Kesan Indeks Persepsi Rasuah terhadap pertumbuhan ekonomi bagi sembilan Negara ASEAN Berdasarkan hasil penilaian, didapati tidak memberi kesan kepada pertumbuhan ekonomi di sembilan negara ASEAN. Menurut (Swalehan & Standel, 2007) hubungan antara rasuah dan pertumbuhan ekonomi bergantung kepada sejauh mana ekonomi sesebuah negara itu bebas. Terdapat negara yang mempunyai banyak dasar sehingga kebebasan ekonomi mereka rendah. Kesimpulan Daripada hasil didapati, disimpulkan bahawa eksport barangan dan perkhidmatan dan kadar pengangguran mempunyai korelasi yang ketara dengan pertumbuhan ekonomi di sembilan negara ASEAN pada tahap keyakinan 95 peratus. Sementara itu, pembolehubah indeks persepsi rasuah tidak mempunyai korelasi yang signifikan dengan pertumbuhan ekonomi di sembilan negara pada tahap keyakinan 0.05 atau 95%. Berdasarkan hasil kajian, kerajaan dijangka terus meningkatkan pertumbuhan eksport bagi mendapatkan pertukaran asing yang boleh digunakan sebagai pembiayaan pembangunan dan peningkatan pertumbuhan ekonomi.

Kesimpulannya, penelitian indeks persepsi rasuah dengan merujuk beberapa artikel dan kajian lepas mendapati bahawa pelbagai bentuk atau kajian yang dilaksanakan oleh beberapa negara untuk memperkukuhkan CPI agar memberi gambaran dan kesan yang positif. Usaha serta langkah penambahbaikan yang dilaksanakan sukar untuk dinilai oleh pihak penilai berikutan kadar rasuah sesebuah negara masih tinggi. Walaubagaimanapun, setiap negara mempunyai kepelbagaian tersendiri dalam membentasi isu rasuah selari dengan jenayah-jenayah yang lain. Oleh itu, pihak penilai yang melaksanakan CPI perlu melihat semula segmen atau kategori apa yang dinilai agar ia tidak memberi kesan terhadap negara.

PENCAPAIAN INDEKS PERSEPSI RASUAH

Pengukuran atau penilaian yang diambil kira mengikut skala yang telah ditetapkan. Namun indeks ini dinilai berdasarkan skor "0" bermakna amalan rasuah sangat tinggi dan skor 100 dipertimbangkan sebagai bebas rasuah. Presiden *Transparency International* Malaysia, Datuk Akhbar Satar, berkata kemajuan yang dicatat Malaysia dari segi kedudukan dan skor membabitkan persepsi rasuah itu adalah hasil maklum balas kaji selidik lapan sumber yang dijalankan dalam tempoh 24 bulan lalu. Kaji selidik daripada lapan sumber itu membabitkan maklum balas persepsi rasuah daripada pakar dan ahli perniagaan dalam sektor awam. Setiap tahun pelaporan CPI akan dikemukakan. Dalam jangka masa 10 tahun terdapat skor yang dilihat baik dan dalam jangka masa 5 tahun ini skor CPI menjadi tidak stabil di Malaysia. Pelbagai usaha yang dilaksanakan kerajaan beberapa tahun ini dalam menangani rasuah membuahkan hasil dengan menyaksikan persepsi terhadap rasuah semakin pulih dari tahun ke tahun. Walaubagaimanapun, skor CPI dalam 5 tahun kebelakangan ini tidak memberi keputusan yang baik atau lebih baik.

Merujuk dapatan dari (Mohd Koharuddin, 2012) satu kajian yang memperakukan bahawa rasuah dalam agensi kerajaan adalah tinggi dengan 31.6 peratus daripada responden melaporkan wujudnya amalan rasuah di tempat kerja. Keadaan ini juga menyebabkan kedudukan Malaysia dalam *Transparency International Corruption Perceptions Index* (CPI) dalam kedudukan 37 dengan *score* 5.2 pada tahun 2003. Keadaan ini tidak jauh berbeza dengan apa yang telah dicapai pada tahun 1995 dan 1996 masing-masing sekitar 5.28 dan 5.32. Kedudukan negara ini semakin merosot kepada kedudukan 39, bagi negara yang paling banyak rasuah di dunia pada tahun 2005. Kejatuhan kedudukan ini berterusan dan bertambah buruk kepada kedudukan 44 pada tahun 2006 dari 163 negara. Pada tahun 2006 *score* negara ini ialah 5.0 kejatuhan dari 5.1 tahun sebelumnya. Malaysia dalam Pelan Integriti Negara telah meletakkan matlamat bagi mendapatkan *score* 6.5 peratus pada 2008. Bagaimanapun jika dilihat trend pencapaian negara, angka ini sesuatu yang sukar untuk dicapai. Pada tahun 2008 matlamat bagi mencapai *score* yang lebih baik tidak dicapai sebaliknya berada pada tahap yang sama. Lebih membimbangkan lagi *score* negara ini menjunam kepada di bawah 5.0 iaitu kepada 4.5 pada tahun 2009, dan terus jatuh ke 4.4 pada tahun 2010. Kedudukan negara juga merudum dari tangga ke 44 pada tahun 2008 ke tangga 56 bagi dua tahun berturut-turut iaitu tahun 2009 dan 2010. Kedudukan negara kita setaraf dengan Namibia dan Turkey yang mendapat *score* 4.4 pada tahun 2010. Malahan negara Afrika Selatan dan Kuwait lebih baik kedudukannya berbanding negara kita pada tahun 2010 dengan kedudukan di tangga 54. Keadaan yang telah sedia buruk masih tidak dapat diperbaiki lagi apabila kedudukan terbaru bagi tahun 2011 makin menjunam ke tangga 60. Malahan skor 4.3 untuk tahun 2011 merupakan pencapaian terendah dalam sejarah negara ini sejak terlibat dengan Indeks Persepsi Rasuah pada tahun 1997. Kedudukan negara yang

makin memburuk bagi pencapaian CPI ini mencerminkan wujudnya masalah rasuah yang agak serius di negara ini.

Rasuah adalah gejala yang masih berlaku di Malaysia dan kedudukan Malaysia dalam indeks persepsi rasuah merupakan gambaran persepsi orang asing yang berkhidmat di Malaysia. Menurut Sulaiman (2005), walaupun tanggapan tersebut mungkin terdedah kepada bias dan tidak tepat, tetapi petunjuk tersebut adalah persepsi yang diberi oleh orang asing kepada negara dan masyarakat Malaysia. Menurut Robbins (2006) persepsi adalah penting kerana persepsi menentukan bagaimana seseorang individu bertindak terhadap individu atau objek yang ditanggapinya. Sehubungan itu persepsi orang asing itu mampu mempengaruhi prestasi ekonomi dan kemajuan negara, terutama dalam era globalisasi yang dikatakan belum memuaskan (Sulaiman 2005). Fakta ini menunjukkan masyarakat Malaysia (termasuk organisasi perniagaan) sedang berhadapan dengan masalah etika dan integriti. Dalam konteks yang lebih luas, agen-agen yang gagal bertindak dan berkelakuan secara beretika akan mendatangkan malapetaka yang besar kepada nasib sesebuah negara dan tamadun. Justeru, isu mengenai perlakuan etika agen-agen pembangunan wajar diselidiki bagi melihat pengaruhnya kepada situasi pembangunan tempatan.

Merujuk (Mo, Pak Hung, 2021) yang menjelaskan peranan rasuah dalam pertumbuhan ekonomi dengan menyediakan penganggar kuantitatif akibat rasuah ke atas pertumbuhan dan kepentingannya terhadap saluran perubahan. Kajian rasuah beliau adalah tertumpu ke atas 54 buah negara yang terdapat dalam Corruption Perception Index (CPI). Dengan menggunakan penganggar kuasa dua terkecil (OLS), beliau mendapati dengan peningkatan 1% tingkat rasuah akan mengurangkan kadar pertumbuhan ekonomi dalam lingkungan 0.72%. Dalam perkataan lain ialah, dengan peningkatan satu unit dalam indeks persepsi rasuah akan mengakibatkan kadar pertumbuhan ekonomi menurun sebanyak 0.545 mata peratus. Apa yang paling penting dalam saluran yang mempengaruhi pertumbuhan ekonomi ialah ketidakstabilan politik, yang mana sebanyak 53% jumlah yang mempengaruhi dalam pertumbuhan ekonomi. Beliau juga mendapati rasuah boleh mengurangkan tingkat modal insan dan perkongsian pelaburan persendirian.

Berdasarkan kajian (Megat Ayop & Abd Halim, 2016) bahawa Indeks Persepsi Rasuah Malaysia 2007 menunjukkan tahap persepsi indeks 6.76 daripada 10. Angka ini dapat dianggap lebih baik berbanding Corruption Perception Index 2007 yang dikeluarkan oleh Transparency International (TI) dengan skor 5.10 daripada 10 mata penuh. Berbeza dengan kajian TI yang mengambil kira persepsi pedagang dan peniaga luar, kajian yang dilakukan oleh IIM hanya meliputi pengalaman dan persepsi masyarakat Malaysia sahaja. Skor yang diperolehi melalui kajian IIM secara umumnya memperlihatkan bahawa kualiti perkhidmatan awam di Malaysia adalah baik. Sasaran pertama dalam Pelan Integriti Nasional (PIN) adalah mengurangkan gejala rasuah, penyelewengan, dan salahguna kuasa. Bagi mengukur prestasi pencapaian sasaran ini, PIN telah menggunakan ukuran tanda aras antarabangsa dan juga tanda aras dalam negeri. Tanda aras antarabangsa yang digunakan ialah skor dalam indeks persepsi rasuah yang digubal oleh TI (2003-2009). Matlamat yang hendak dicapai pada ketika itu adalah untuk menaikkan skor 5.2 mata yang diperolehi Malaysia pada tahun 2003 kepada sekurang-kurangnya 6.5 mata menjelang tahun 2008 serta mengubah kedudukan ke-37 daripada 133 kepada sekurang-kurangnya kedudukan ke-30. Secara sepintas lalu, skor yang diperolehi Malaysia dari tahun berikutnya (2004) sehingga tahun 2009 menunjukkan penurunan. Justeru, jika diukur menggunakan indeks persepsi rasuah TI, PIN jelas tidak mencapai sasarannya, malah mencatatkan penurunan yang ketara.

CADANGAN PENAMBAHBAIKKAN INDEKS PERSEPSI RASUAH

Kajian ini meneliti dan mendapati pelbagai cadangan dalam penambahbaikan terhadap dasar yang digunakan untuk membaiki skor Indeks Persepsi Rasuah yang dapat disesuaikan dengan situasi di Malaysia. Pemarkahan atau skor CPI dikeluarkan secara tahunan, ia memberi peranan penting tertumpu kepada isu rasuah. Skor dari penilaian CPI sangat berpengaruh dalam penyelidikan dengan mendapati punca rasuah dan juga keberhasilannya digunakan secara meluas bagi langkah memerangi rasuah dan usaha pencegahan rasuah. Pelbagai usaha oleh pihak kerajaan bagi membaiki skor CPI. Merujuk kepada (Jabatan Audit Negara, 2022) bahawa telah membangunkan Pelan Pencegahan Rasuah Organisasi (OACP) bagi tahun 2023-2025 sebagai sebahagian daripada komitmen dalam mencegah rasuah. Pelan ini memfokuskan kepada dua bidang utama iaitu pengauditan dan pengurusan kewangan dan pentadbiran. Pelan ini termasuk dengan meningkatkan ketelusan, integriti, dan akauntabiliti dalam JAN dan mengurangkan risiko rasuah. Pelan tersebut akan disemak dan dikemas kini secara berkala untuk memastikan keberkesannya. Selain itu, polisi anti-rasuah di Malaysia juga melibatkan agensi luar seperti Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Jabatan Perdana Menteri. Dengan adanya Pelan Antirasuah JAN 2023-2025 ini, diharapkan dapat menjadi medium kawalan dalam melaksanakan fungsi penubuhannya dan menjadikan Malaysia sebagai negara bebas rasuah. Merujuk kepada risalah Bahagian Pemeriksaan Dan Perundingan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia bahawa Pelan Antirasuah Perkhidmatan Oleh SPRM Organisasi (OACP), (SPRM, n.d.) ia merupakan dokumen dasar antirasuah di peringkat organisasi yang bertujuan untuk menangani permasalahan dan kelemahan *governans*, integriti dan antirasuah dalam organisasi. Ia juga bertindak sebagai panduan bagi

semua agensi Kerajaan dan entiti berkaitan dalam membangunkan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) masing-masing. Sehubungan itu, pentingnya polisi CPI dalam mengukur serta memantau perkembangan dalam usaha pencegahan rasuah di Malaysia. Dengan mengetahui persepsi masyarakat terhadap rasuah, pihak berkuasa dapat mengambil langkah-langkah yang diperlukan untuk meningkatkan transparansi, integriti, dan akauntabiliti dalam pemerintahan. Lebih berkesan sekiranya cadangan penambahbaikan terhadap dasar yang digunakan polisi CPI dapat disesuaikan antaranya pertama adalah melibatkan lebih banyak responden dari berbagai lapisan masyarakat dan melibatkan lebih banyak responden, persepsi terhadap rasuah dapat mencerminkan keadaan sebenar di negara ini. Seterusnya, menyelidik faktor penyebab rasuah selain dari mengukur persepsi, CPI juga harus menyelidiki faktor-faktor yang menyebabkan rasuah di Malaysia. Hal ini akan membantu dalam pemerintah dan lembaga terkait bagi merancang strategi yang lebih efektif untuk memerangi rasuah. Yang ketiga penilaian CPI dapat diperluas dengan memperluas tangkapan melibatkan lebih banyak aspek rasuah, seperti rasuah di sektor swasta, atau di sektor kehakiman. Dengan memperluas tangkapan tersebut, penilaian CPI dapat memberikan gambaran yang lebih komprehensif tentang isu rasuah di Malaysia. Selain itu, penting untuk meningkatkan ketulusan dalam metodologi yang digunakan untuk pengiraan CPI. Dengan memberikan informasi yang lebih mendalam tentang bagaimana pengiraan, Dengan penglibatan pelbagai institusi dan pihak berkepentingan bahawa pengumpulan dan analisis data. Impaknya, lebih banyak pihak, akan wujud perspektif yang lebih luas dan pemahaman yang lebih baik tentang rasuah di Malaysia. Terakhir adalah dengan meningkatkan pemantauan dan pelaporan CPI dapat meningkatkan pemantauan dan pelaporan terkait dengan tindakan pencegahan dan penanggulangan rasuah yang diambil oleh pemerintah dan lembaga berkaitan. Ini akan memungkinkan evaluasi yang lebih baik terhadap upaya yang dilakukan dan memberikan dasar untuk perbaikan lebih lanjut. Dengan melaksanakan cadangan-cadangan ini, diharapkan CPI dapat menjadi alat yang lebih efektif dalam memerangi rasuah di Malaysia. Seterusnya penambahbaikan merujuk kepada (RMK12, n.d.), kerajaan turut menerima CPI sebagai asas pengukuran tata kelola baik sesebuah negara dan telah menetapkan sasaran penambahbaikan kedudukan Malaysia dalam CPI 2025. Jika sasaran ini dijadikan Key Performance Indeks (KPI) di semua peringkat kementerian, jabatan dan agensi secara '*shared responsibility*', saya percaya Malaysia boleh mencapai kedudukan CPI yang jauh lebih baik.

Selanjutnya, usaha yang dilaksanakan adalah dengan membangunkan indeks tata kelola nasional seperti Malaysian Governans Indeks (MGI), (Mampu, n.d.) yang bersifat "*evidence and outcome-based*" bagi mengukur tata kelola negara. Pelaksanaan membangunkan indeks tata kelola nasional seperti Malaysian Governans Indeks (MGI) yang bersifat "*evidence and outcome-based*" bagi mengukur tata kelola negara. Pada tahun 2019 Mesyuarat Jawatankuasa Pemodenan dan Pendigitalan Sektor Awam (JPPSA) Bil 2/2019 telah bersetuju dengan cadangan Mekanisme Pengukuran Prestasi Sektor Awam iaitu Indeks Prestasi Kerajaan Malaysia (MyGPI) bagi menggantikan Sistem Penarafan Bintang (SSR) dalam menilai prestasi agensi sektor awam. Tujuan MyGPI menilai prestasi agensi dalam konteks pengurusan organisasi dan pendigitalan perkhidmatan melalui tadbir urus yang baik ke arah pembaharuan sektor awam dan menyumbang kepada peningkatan imej dan kedudukan negara di peringkat global. Hal ini bagi mengurangkan risiko penjawat awam terlibat dengan Rasuah.

Salah satu langkah *preemptive* yang dilaksanakan kerajaan ialah mengetatkan prosedur kerjasama dengan syarikat swasta bagi mengelak amalan rasuah antara pihak swasta dan kerajaan. Langkah pertama yang diambil oleh kerajaan Malaysia ialah meminda Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2018 (Pindaan SPRM) dengan memperkenalkan seksyen 17 MACCA 2009, iaitu peruntukan yang secara khusus mengenakan liabiliti ke atas organisasi komersial untuk rasuah yang dilakukan oleh orang yang berkaitan dengan ia. Peruntukan itu menuntut setiap pengurusan peringkat atasan syarikat untuk mematuhi sepenuhnya undang-undang yang terpakai dan keperluan kawal selia mengenai antirasuah. Untuk mematuhi Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2018 ini, Integriti bersedia membantu anda dalam menubuhkan Sistem Pengurusan Anti Rasuah anda sendiri. Integriti juga akan memberikan sokongan untuk pelaksanaan piawaian ABMS. Merujuk kepada laman sesawang (SIRIM, n.d.) mengenai Sistem Pengurusan Anti-Sogokan ISO 37001 (ABMS) merupakan usaha yang masih dilaksanakan oleh pihak Kerajaan. Sistem Pengurusan Anti-Sogokan ISO 37001 (ABMS) direka untuk membantu syarikat mencegah, mengesan dan bertindak balas terhadap insiden rasuah. Piawaian ini juga termasuk pematuhan kepada undang-undang, peraturan dan komitmen sukarela yang lain. Pensijilan itu termasuk keperluan dan panduan untuk mewujudkan, melaksanakan, mengekalkan dan menambah baik sistem pengurusan anti-rasuah. Ia adalah piawaian sejagat yang digunakan untuk organisasi dari sebarang saiz atau sektor, sama ada secara bebas atau disepadukan ke dalam sistem pengurusan.

PENUTUP

Kesimpulannya sorotan kajian lepas dalam penelitian tinjauan awal bagi Indeks Persepsi Rausah bahawa meneliti bagaimana, negara membangun melaksanakan sesuatu perancangan bagi menambahbaikan dan mengekalkan skor CPI di peringkat global. Daya persaingan dari negara-negara maju juga menekankan sektor ekonomi memainkan peranan yang penting dalam memajukan sebuah negara. Bagi negara membangun bahawa pentingnya CPI ini adalah menjaga nama baik negara dan menstabilkan ekonomi negara. Penilaian kajian lepas berkaitan pencapaian skor CPI sukar untuk memperjelaskan

kerana tiada keputusan yang lebih baik secara berterusan. Kemungkinan kajian yang dilaksanakan masih ada pergolakan dalam pentadbiran negara terutama isu politik. Di Malaysia, pelbagai penambahbaikan yang dilaksanakan bagi membenters isu rasuah. Walaubagaimanapun, masih mendapat skor CPI yang kurang memberansangkan. Sehubungan dengan itu, pelaksanaan Malaysia berhubung Pelan Antirasuah OACP 2023 hingga 2025 dapat membantu mengurangkan kadar rasuah di Malaysia dan mampu mempunyai skor CPI yang baik perlu membuat pemantauan secara berterusan agar memberi keberkesanan yang positif. Di samping mengukuhkan nilai tradisi seperti integriti, kesaksamaan dan kebolehpercayaan, perkhidmatan awam juga akan meningkatkan fleksibiliti dan inovasi dalam perkhidmatan serta keupayaan membuat banyak perubahan dengan lebih pantas. Perkhidmatan awam akan melalui tranformasi secara komprehensif dengan memperbaiki struktur yang tegar dan memansuhkan pertindanan proses, menggalakkan inovasi dan keterbukaan serta mempercepat keantasan bertindak dan penyampaian perkhidmatan.

RUJUKAN

- Allison, T. (2021). Rasuah di Negara Yang Rapuh: Perkara yang tidak ditunjukkan oleh Indeks Persepsi Rasuah Dedahkan. Surat Academia, Artikel 392. <https://doi.org/10.20935/AL392>.
- Ferdy Firmansyah, Impact of Political Institution Role to Anti-Corruption Perception Index: An Experience From Indonesia <https://www.sprm.gov.my/admin/files/sprm/assets/pdf/pencegahan/OACP-RISALAH.pdf>
<https://www.mampu.gov.my/en/products/malaysian-government-performance-index-mygpi/>
<https://www.sirim-gas.com.my/about-us/overview>
https://www.sprm.gov.my/admin/uploads_publication/kejatuhan-cpi-di-mana-silapnya-jurnal-my-15112020.pdf
https://transparency.org.my/filemanager/files/shares/CPI%202022/Malaysia%20CPI%202022_Malay.pdf
https://www.ekonomi.gov.my/sites/default/files/flipping_book/RMKe-12/mobile/index.html
- Liviu-Stelian BEGU, Simona-Andreea APOSTU, Andreea-Oana ENACHE, Indeks persepsi rasuah dan pembangunan ekonomi negara Institut Ekonomi Negara
- Lusi Susanti Muhammad Husaini, The Influence of The Corruption Perception Index, Exports of Goods and Services, and Unemployment Rate on Economic Growth in 9 ASEAN Countries June 2023 International Journal of Social Science Education Communication and Economics (SINOMICS JOURNAL) 2(2):291-304 Follow journal
- Megat Ayop bin Megat Arifin & Abd. Halim b. Ahmad 2016 Peranan Whistleblowing Dalam Meningkatkan Integriti Anggota Polis Diraja Malaysia (Pdrm): Kajian Ke Atas Kontinjen Perak
- Mohd Koharuddin et al. / Jurnal Teknologi (Social Sciences) 58 (2012) 57–62
- Pak, Hung Mo. 2001. Corruption and economic growth. Journal of Comparative Economics. 29: 66-79
- Prof. Dr. Johann Graf Lambsdorff (2005) The Methodology of the TI Corruption Perceptions Index 2005 Corruption Perceptions Index
- Simona Roxana Ulman (2013) The Methodology The Impact of the National Competitiveness on the Perception of Corruption Procedia. Economics and finance, 2014 Volume 15, Pages 1002-1009
- Swaleheen, M. U., & Stansel, D. (2007). Economic Freedom, Corruption, and Growth. CatoJournal, 27(3), 343–358
- Widana, I. W., Sumandya, I. W., & Suhardita, K. (2020). Pendidikan Antikorupsi Berbasis Tri Kaya Parisudha. <https://www.ptonline.com/articles/how-to-get-better-mfi-results>
- Zouaoui, A., Al Qudah, A., & Ben-Arab, M. (2017). World corruption perception index analysis. Research Journal of Finance and Accounting, 8(24).